

Headline	Bahan herba mempunyai khasiat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	7	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	418 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,261
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,784



SERAI dan limau purut menjadi bahan asas produk menghasilkan Forestra.

## Bahan herba mempunyai khasiat

PENGURUS Teknologi BNF, **Dr. Nor Azah Mohamad Ali** berkata, penggunaan minyak pati tulen dalam ramuan untuk produk BNF adalah bertujuan memastikan kualitinya terpelihara.

Pengguna tumbuhan herba seperti limau purut dan sirih pada semua produk jenama *Forestra* sangat berkesan untuk bahan penjagaan diri sesuai untuk rawatan kulit.

Hasil penielidikannya mendapati tumbuhan-tumbuhan herba tersebut mengandungi bahan antiradang, antioksidan dan antimikrob.

"Kami memanfaatkan amalan tradisional yang mana orang Melayu menggunakan khasiat pokok atau tumbuhan untuk penjagaan diri seperti mandi bunga dan masukkan khasiat berkenaan dalam produk BNF.

"Sebagai contoh kami menggunakan kulit limau purut yang mengandungi banyak minyak pati dalam semua produk BNF," katanya.

Beliau yang juga Ketua Program Pembangunan Produk Herba, Bahagian Tumbuhan Ubatan FRIM berkata, BNF dalam perancangan mengeluarkan set penjagaan diri bagi wanita bersalin yang masih mengekalkan limau purut sebagai bahan asas.

Kajian mengenai ramuan set penjagaan tersebut sedang berjalan dan produk akhir dijangka dapat dikeluarkan tahun depan.

Sementara itu menurut Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr Abdul Latif Mohmod** program tersebut menunjukkan pencapaian yang membeberangsangkan.

"Penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan boleh terus dijalankan dengan bimbingan yang teratur dan usaha promosi yang baik meskipun berdepan dengan cabaran seperti modal yang sederhana, tidak mudah merentas



FRIM mempunyai kemudahan lengkap untuk menjalankan penyelidikan minyak pati.

kejayaan," ujarnya.

Beliau berkata, persaingan yang kompetitif menjadikan pasaran juga hebat.

Katanya, apabila Akta FRIM yang baru diluluskan kelak, produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) berteraskan jenama FRIM mampu memacu kecemerlangan lebih jauh.

Dalam pada itu beliau berkata, akan ada syarikat baharu akan menyertai program tersebut pada masa akan datang dan dengan itu strategi baharu juga perlu diketengahkan.

"Kali ini saya memfokuskan kepada antarabangsa (iaitu ) menjadi badan verifikasi dan validasi produk berteraskan perhutanan dan hasil hutan.

"Kita juga memulakan program inkubator secara rasminya penghujung 2013 terutama dalam produk herba bernilai tambah tinggi," ujar Dr. Abdul Latif



DR. ABDUL LATIF MOHMOD